

26 APR 2003

PBRs-Kongres/I

PERDANA MENTERI DIJADUAL RASMI KONGRES PBRs BULAN DEPAN

KOTA KINABALU, 26 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan kongres Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) ke-8 di sini bulan depan.

Presiden PBRs Tan Sri Joseph Kurup berkata kongres itu akan diadakan di Dewan Masyarakat Keningau, kira-kira 170km dari sini pada 15 Mei depan.

Ia akan dihadiri 400 perwakilan, katanya pada sidang media di sini hari ini.

Kurup yang juga Menteri Belia dan Sukan negeri berkata Dr Mahathir pernah melawat Tenom, daerah sempadan Keningau pada 2001 dan penduduk tempatan dijangka akan membanjiri kongres itu untuk menyambut Perdana Menteri.

Mengenai kongres itu, beliau berkata antara resolusi yang akan dibincangkan ialah mengenai pindaan perlembagaan bagi mencegah berulangnya krisis yang berlaku pada kongres sebelum ini.

Pada kongres tahun lepas, perwakilan memilih Kurup dan Datuk Dr Jeffrey Kitingan sebagai presiden dan krisis itu hanya selesai selepas Dr Jeffrey disingkirkan daripada parti.

Pada perkembangan lain, Kurup berkata kerajaan negeri akan memperkenalkan satu anugerah bagi menghargai peranan media dalam pembangunan belia.

Penyampaian anugerah Penulis Pembangunan Belia Sabah akan diadakan pada 30 Mei ini.

Kurup berkata media memainkan peranan penting dalam membentuk pandangan masyarakat serta mendidik dan menerap nilai-nilai moral dan semangat menghadapi cabaran di kalangan belia.

-- BERNAMA

JS JK MOZ